



Ibu bapa tolak vaksin HPV

DR Musa (tengah) bersama peserta program di Dewan Tuanku Canselor, USIM, semalam.

Nilai: Sebahagian ibu bapa menolak penggunaan vaksin Human Papilloma Virus (HPV) terhadap mereka berikutan tidak mempercayai mengenai tahap keselamatan vaksin berkenaan.

Pensyarah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Dr Nuruliza Roslan berkata, maklumat itu diperolehi melalui hasil kajian yang dijalankan penuntutnya sejak tahun lalu.

"Kajian ini mendapati ke banyakan ibu bapa tidak

mempunyai kesedaran terhadap kepentingan suntikan vaksin HPV disebabkan kurang pengetahuan dan tidak memahami keperluan vaksin itu dalam mencegah kanser pangkal rahim (serviks).

"Hasil maklum balas penuntut mendapati, majoriti mereka tidak mengetahui kepentingan vaksin dalam melindungi diri mereka dari jangkitan HPV."

"Walaupun disediakan percuma, masih ramai tidak mengendahkan mengenai suntikan vaksin

ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar Latihan Program Jurulatih Berpengetahuan HPV Manusia dan Kesedaran Untuk Pencegahan Kanser Serviks Kaunselor Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Negeri Sembilan di Dewan Tuanku Canselor, USIM, di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor USIM Prof Datuk Dr Musa Ahmad dan Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan negeri, Pkharuddin Ghazali.